



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

UHS1022-73 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

SEMESTER 1, 2020/2021

Tugasan Kumpulan

Bab 4 : Psikologi dan Sosiologi

Tajuk :

Perlembagaan Insan: Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK	No. TELEFON
1. Lee Ming Qi	A20EC0064	012-4750891
2. Goo Ye Jui	A20EC0191	018-4040438
3. Kelvin Ee	A20EC0195	011-21584699
4. Lee Jia Xian	A20EC0200	011-20621573

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

Kandungan

1.0 Pengenalan	3-5
2.0 Jasmani	6-9
3.0 Emosi	10-15
4.0 Rohani	16-17
5.0 Intelekt	18-21
Kesimpulan	22
Rujukan	23-24

1.0 Pengenalan

Dalam topik ini, kita telah mempelajari tentang asal usul insan dan konsep-konsep utama yang mendefinisikan keinsanan. Kita akan mengkaji tentang asal-usul insan, hakikat dan sifat insan, potensi insan dan kefahaman Insan Sejahtera Dalam Krisis Kemanusiaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa insan merupakan sesempurna makhluk kejadian dan ditegaskan oleh Allah dalam Al-Quran al-Karim, bermaksud: ``Sesungguhnya Kami jadikan insan sesempurna kejadian``. (Al-Tin: 4).

Kesempurnaan dapat dikaji melalui segi bentuk kejadian yang sederhana dari segi bentuk fizikal dan mental, tidak terlampau kecil serta tidak terlampau besar hingga menyukarkan pergerakan, tegak kepala ke atas menjunjung mahkota kemuliaannya, iaitu akal. Semua deria utama berada pada bahagian kepala ini dari pendengaran, penglihatan, ,perasaan, penciuman dan penyentuhan. Pada bahagian tengah proses pembinaan tubuh badan terletak hati nurani yang diibaratkan sebagai sentral diri yang pada bawahnya tangki bagi tenaga diri yang bahannya dimasukkan melalui saluran mulut. Lebih-lebih lagi, alat kelamin yang produktif bagi melanjutkan turunan manusia bersama pasangannya pada bahagian tengah bawah. Dua tangan pada bahagian atas kiri kanan dan dua kaki pada bahagian bawah dianggap sebagai roda pergerakan diri dengan dua tangan sebagai pengawal dan pengimbang yang berfungsi untuk mengambil dan memberi.

Binaan diri dan komponen di atas sebenarnya, bukan setakat struktur dan posisi binaan badan itu semata-mata. Sebenarnya fungsi setiap satu daripadanya mempunyai isyarat bagi sesempurna kejadian di atas yang dilengkapi oleh Pencipta, selepas ianya melalui kejadian pada peringkat janin dari kandungan perut ibu dari peringkat benih kepada ketul

darah kepada ketul daging yang disalut tulang temalang dan lahir sebagai bayi yang lengkap sempurna kejadian (Al-Mu`minun, 12 -14).

Manusia secara filosofi adalah hayawan al-Nathiq (makhluk yang mampu berfikir), di mana terdiri atas jasmani dan rohani. Kedua-dua unsur ini harus dikembangkan fungsinya dan dijaga melalui pendidikan. Tamsilnya, agama Islam memberikan penjelasan yang lengkap mengenai pendidikan jasmani dan kesihatan manusia ini. Konsep Islam dalam pendidikan jasmani tidak dapat dipisahkan dengan rohani, kerana ianya merupakan satu kesatuan (integrated) yang tidak boleh dipisahkan.

Dalam subtopik bab ini , kita telah belajar tentang empat potensi insan utama iaitu JERI yang merangkumi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek. Di negara Malaysia, semua pelajar akan dinilai dan dikaji berdasarkan keseimbangan jasmani, emosi, rohaninya dan inteletiknya mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. (Akta Pendidikan 1996, Akta 550). Langkah ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berketerampilan, berilmu pengetahuan, bertanggung jawab, berakhlak mulia, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Menurut Mohd Fathi Adnan (2010), matlamat pendidikan negara dapat dinyatakan secara mudah sebagai langkah untuk mewujudkan warganegara yang menghayati sahsiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi Jasmani, Emosi Rohani dan Intelek

(JERI). Ini juga selari dengan prinsip-prinsip Rukun Negara Malaysia termasuklah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Secara tuntasnya, kita akan menjelaskan unsur-unsur elemen JERI dalam kertas kajian ini. Selain itu, kita akan menghuraikan konsep insan sejahtera melalui perlembagaan insan JERI iaitu potensi individu dan perkembangan psikologi manusia, jasmani,/fizikal, emosi/efektif, rohani/spiritual dan intelek/kognitif.

2.0 Jasmani

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka edisi Kedua, jasmani ialah unsur yang berkenaan dengan jasad atau tubuh badan atau disebut fizikal. Unsur jasmani melibatkan aktiviti pergerakan tubuh badan atau fizikal seperti pergerakan sendi dan otot. Untuk memberi kesedaran tentang unsur jasmani kepada rakyat Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melibatkan pendidikan jasmani dalam Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Clark W. Hetherington, Pendidikan Jasmani adalah asas bagi semua pendidikan di mana otak dan badan berfungsi serentak. Pernyataan beliau telah membawa sama maksud dengan pepatah Arab, iaitu “akal yang sihat berada dalam tubuh badan yang sihat”. Secara umumnya, Pendidikan Jasmani merupakan satu fasa pendidikan am yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan seseorang individu secara keseluruhan melalui pilihan aktiviti-aktiviti pergerakan dan pengalaman jasmani yang terancang.

Tujuan yang perdana unsur jasmani ditularkan adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan kesihatan fizikal. Kesihatan fizikal berkaitan dengan keadaan badan seseorang, bentuk badan serta kebolehan individu untuk melaksanakan tugas tertentu. Seorang individu yang mempunyai badan yang sihat boleh dirujuk sebagai badan yang bebas daripada kesakitan, ketidakupayaan fizikal, penyakit kronik dan ketidakselesaan tubuh badan (Norliah, 2017). Berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (2006), 60.1% rakyat Malaysia yang menghadapi risiko tinggi dalam penyakit kronik dan penyakit tidak berjangkit seperti sakit jantung, kencing manis dan tekanan darah tinggi disebabkan oleh kekurangan aktiviti yang aktif.

Untuk menjamin kesihatan fizikal, terdapat dua cara iaitu melalui senaman dan pemakanan. Dengan adanya senaman secara berterusan, Indeks Jisim Badan (BMI) seseorang dapat dikekalkan di kadar yang sihat, iaitu 20.7 hingga 26.4 berdasarkan Rajah 1.

Indeks Jisim Badan	
Status	BMI
Kurus	Kurang 20.6
Normal	20.7 - 26.4
Gemuk	26.5 - 30.9
Obesiti	31.0 - 45.2
Bahaya	Lebih 45.3

Rajah 1 : Indeks Jisim Badan

Hal ini demikian kerana senaman dapat membantu badan untuk mengubah metabolisme badan daripada penggunaan gula sebagai tenaga kepada proses pembakaran lemak atau ketosis.. Proses penghasilan keton atau ketosis ini menggunakan simpanan lemak dalam badan kita. Apabila ia berlaku secara berterusan, ia akan membantu mengurangkan berat badan dengan lebih efektif dan mengelakkan obesiti. Melalui senaman, otot dan tulang juga dapat dikuatkan. Teori untuk membina otot adalah dengan menyebabkan kecederaan halus kepada otot dengan mengangkat beban berat atau senaman rintangan. Oleh itu, badan akan menjadi lebih cergas dan fleksibel selepas senaman. Pendek kata, kesihatan fizikal dapat terjamin jika senaman berterusan diamalkan.

Cara kedua adalah melalui pemakanan yang seimbang. Pemakanan yang seimbang merupakan pengambilan nutrien seperti karbohidrat, protein, lemak, garam galian, vitamin, fibre dan air dengan kadar yang betul untuk keperluan dalam tubuh badan. Menurut berita daripada Malay Mail (2016), Malaysia mempunyai kadar diabetes yang tertinggi dalam kalangan negara-negara ASEAN. Salah satu punca diabetes merupakan pengambilan gula yang terlebih dalam pemakanan harian rakyat Malaysia. Untuk mengatasi masalah yang

kronik ini, pemakanan yang seimbang haruslah dipraktikkan oleh semua rakyat Malaysia agar kesihatan fizikal dapat terjamin. Pemakanan yang seimbang dapat dipraktikkan dengan mengikuti piramid makanan.



Rajah 2 : Piramid Makanan

Rajah 2 menunjukkan piramid makanan yang disyorkan oleh pakar pemakanan. Berdasarkan piramid makanan, aras 1 merupakan makanan yang diperlukan dengan banyak oleh badan manusia, iaitu makanan yang berkarbohidrat. Aras 4 pula merupakan makanan yang diperlukan dengan sedikit, iaitu makanan yang lemak dan berminyak. Dengan berpandukan piramid makanan, makanan yang berbuah dan kacang haruslah diperbanyak kerana makanan tersebut dapat membekalkan khasiat protein, karbohidrat, dan vitamin. Sebaliknya, kandungan lemak, gula dan garam dalam makanan haruslah dikurangkan kerana makanan tersebut akan menyebabkan penyakit kronik seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi. Peminuman air yang banyak juga diseru kerana air adalah sangat penting untuk fungsi-fungsi tubuh, termasuk penghadaman, penyerapan dan pengangkutan zat, perkumuhan, pengawalan suhu badan dan bertindak sebagai pelincir bahagian tubuh yang bergerak. Pendek kata, pemakanan yang seimbang memainkan peranan yang penting dalam penjaminan kesihatan fizikal.

Pendidikan Jasmani merupakan kunci kepada penyebaran kesedaran tentang kepentingan kesihatan fizikal dalam kalangan masyarakat. Melalui Pendidikan Jasmani,

seseorang dapat mengetahui kepentingan dan langkah untuk menjaga kesehatan fizikal. Seseorang dapat mempelajari ilmu tentang senaman dan pemakanan seimbang dan mempraktikkan dalam kehidupan harian.

Tujuan unsur jasmani kedua adalah untuk mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal, manipulatif dan sosial serta menggunakan kemahiran kecergasan fizikal untuk memanfaatkan masyarakat. Seseorang dapat mempelajari teknik-teknik sukan dalam Pendidikan Jasmani seperti teknik bermain badminton, ping pong dan bola sepak. Dalam proses pembelajaran teknik, bakat seseorang akan tercungkil dan mendapat peluang untuk mendapat latihan profesional dan seterusnya menjadi seorang atlet yang berbakti kepada negara. Selain itu, seseorang juga dapat melatih kemahiran sosial. Sebagai contohnya dalam bola sepak, seseorang dapat mempelajari teknik berkomunikasi dan bekerjasama selain teknik menyepak bola. Seterusnya, seseorang yang cergas dapat menjadi pembina atau juruteknik kerana pekerjaan tersebut memerlukan kecergasan dan tenaga yang kuat.

Konklusinya, unsur jasmani adalah dimana individu hendaklah menyedari tentang kepentingan kesihatan fizikal, mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal, manipulatif dan sosial serta mampu menggunakan kemahiran kecergasan fizikal untuk memanfaatkan masyarakat.

3.0 Emosi

Emosi adalah pengalaman sadar yang dicirikan oleh aktivitas mental yang kuat dan tahap keseronokan atau ketidakselesaan tertentu. Emosi adalah perasaan kuat yang ditujukan kepada seseorang atau sesuatu. Emosi juga merujuk kepada reaksi terhadap seseorang atau peristiwa. Emosi dapat dinyatakan ketika merasa senang terhadap sesuatu, marah kepada seseorang, atau takut akan sesuatu. Wacana ilmiah telah beralih kepada makna lain dan tidak ada konsensus mengenai definisi. Emosi sering dikaitkan dengan perasaan, perangai, keperibadian, kecenderungan, dan motivasi. Dalam beberapa teori, kognisi adalah aspek penting dalam emosi. Mereka yang bertindak terutamanya pada emosi yang mereka rasakan mungkin seolah-olah tidak berfikir, tetapi proses mental masih penting, terutama dalam penafsiran peristiwa.

Emosi itu rumit. Menurut beberapa teori, perasaan yang mereka nyatakan menyebabkan perubahan fizikal dan psikologi yang mempengaruhi tingkah laku kita. Fisiologi emosi berkait rapat dengan rangsangan sistem saraf oleh pelbagai keadaan dan intensiti rangsangan yang jelas berkaitan dengan emosi tertentu. Emosi juga berkaitan dengan kecenderungan tingkah laku. Orang lebih cenderung bersosial dan mengekspresikan emosi mereka, sementara orang introvert lebih cenderung menarik dan menyembunyikan emosi mereka. Emosi biasanya merupakan motivasi di sebalik motivasi positif atau negatif. Menurut teori lain, emosi tidak bersifat kausal, tetapi hanya sindrom komponen, yang mungkin termasuk motivasi, perasaan, tingkah laku, dan perubahan fisiologi, tetapi komponen ini bukan emosi. Bukan emosi fizikal yang menyebabkan faktor ini.

Emosi melibatkan komponen yang berbeza, seperti pengalaman subjektif, proses kognitif, tingkah laku ekspresi, perubahan psikofisiologi, dan tingkah laku instrumental.

Suatu ketika, para sarjana cuba menggunakan komponen untuk mengenal pasti emosi: William James dengan pengalaman subjektif, tingkah laku dengan tingkah laku instrumental, psikofisiologi dengan perubahan fisiologi, dan sebagainya. Baru-baru ini, emosi dikatakan mengandungi semua komponen. Menurut subjek yang berbeza, klasifikasi komponen emosi yang berbeza juga sangat berbeza. Dalam psikologi dan falsafah, emosi biasanya merangkumi pengalaman subjektif dan sedar, dan ciri utama mereka adalah ekspresi psikofisiologi, tindak balas biologi, dan keadaan mental. Penjelasan emosi pelbagai komponen yang sama terdapat dalam sosiologi. Sebagai contoh, Peggy Thoits menggambarkan emosi, seperti tindakan ekspresi fizikal yang melibatkan komponen fisiologi, label budaya atau emosi, dan emosi yang menilai situasi.

Dalam dua dekad terakhir, penyelidikan mengenai emosi telah meningkat dengan banyak bidang termasuk psikologi, neurosains, endokrinologi, perubatan, sejarah, sosiologi, dan sains komputer. Banyak teori yang cuba menjelaskan asal usul, neurobiologi, pengalaman, dan fungsi emosi hanya akan membawa kepada penyelidikan yang lebih mendalam mengenai perkara ini. Bidang penyelidikan konsep emosi semasa merangkumi pengembangan rangsangan emosi dan bahan yang menggugat.

Intinya, emosi dapat didefinisikan sebagai pengalaman positif atau negatif yang berkaitan dengan corak aktiviti fisiologi tertentu. Emosi dapat menghasilkan perubahan fisiologi, tingkah laku dan kognitif yang berbeza. Kesan emosi awal adalah untuk mendorong tingkah laku adaptif masa lalu, sehingga menyumbang kepada kelangsungan hidup manusia. Emosi adalah reaksi terhadap peristiwa dalaman dan luaran yang penting.

3.1 Jenis-jenis Emosi

Emosi yang kita rasakan bukan hanya satu bentuk, tetapi dapat dibedakan menjadi berbagai istilah yang lebih tepat untuk menggambarkan apa yang kita rasakan pada waktu itu. Pelbagai jenis emosi yang ada adalah:

1. Cinta

Ini adalah salah satu emosi terpenting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Manusia biasanya akan menyukai perkara-perkara yang menjadikan mereka bahagia, aman dan selesa. Perasaan cinta ini akan mengikat perasaan manusia dengan orang lain di sekelilingnya seperti keluarga, rakan, bahkan negaranya.

Motivasi untuk berkorban demi orang yang dekat dengan anda atau untuk negara akan lahir dari cinta yang anda miliki. Cinta juga adalah apa yang membuat seseorang merasakan pelbagai perkara seperti empati, belas kasihan, kemurahan hati, dan memberi jalan untuk menjadi orang yang menenangkan bagi seseorang, dan orang lain

2. Benci

Penentang cinta adalah kebencian. Ini bererti manusia yang merasakan emosi dalam bentuk kebencian akan merasa tidak menyukai sesuatu perkara yang tidak membuatnya senang, menyebabkan kesedihan, atau menyakiti dirinya sendiri. Emosi ini boleh mempengaruhi tindak balas seseorang terhadap peristiwa atau aktiviti tertentu.

3. Takut

Salah satu emosi yang sering dirasakan adalah rasa takut. Apabila merasa terancam atau berada dalam situasi yang serius, seseorang akan merasa takut kerana merasa bahawa keadaan itu boleh mencederakan dirinya secara mental dan fizikal. Tetapi ketakutan ini juga dapat menguntungkan manusia, kerana dapat menjauhkan seseorang dari bahaya dan merasakan inisiatif untuk memberikan perlindungan atau meminta perlindungan.

4. Marah

Apabila keinginan atau harapan seseorang terhadap sesuatu tidak terpenuhi kerana halangan tertentu, maka mungkin emosi semula jadi yang timbul adalah kemarahan. Contohnya, perasaan dilayan orang lain secara tidak adil. Apabila dibiarkan tidak dikendalikan, mereka boleh tersasar dan kehilangan jalan yang betul. Ini penting dilakukan sejak kecil lagi, misalnya untuk mencari jalan mengatasi anak yang marah agar tidak terus menjadi orang yang tidak dapat mengawal kemarahannya. Itulah sebabnya seseorang perlu mempunyai kawalan diri yang kuat untuk mengurus kemarahan seseorang.

5. Malu

Perasaan ini akan timbul apabila seseorang merasakan bahawa dia telah melakukan sesuatu yang tercela atau mempertaruhkan harga dirinya. Seseorang boleh merasa malu apabila mengetahui bahawa tindakannya tidak baik dan tidak beretika, dan bimbang tindakannya akan diumumkan. Terdapat sisi positif terhadap perasaan malu, yang dapat memberikan sifat keperibadian positif dengan mencegah seseorang melakukan perbuatan salah seperti maksiat dan dosa.

6. Dengki

Dengki adalah emosi yang dimiliki oleh banyak orang, hanya tahapnya yang berbeza pada setiap orang. Apa yang membezakan adalah kemampuan orang untuk menguruskan perasaan negatif dalam bentuk perasaan dengki dalam diri mereka sehingga mereka tidak mengawal keseluruhan tindakan dan sifat. Dengki timbul apabila anda merasa cemburu dengan apa yang dimiliki orang lain, rasa suka mencintai apa yang dimiliki oleh orang lain dan berharap itu juga menjadi milik mereka.

7. Cemburu

Apabila seseorang merasakan cintanya bersaing dengan objek tertentu, maka akan melahirkan perasaan cemburu dan semangat untuk bersaing dalam menunjukkan terbaik kepada objek cintanya. Emosi ini merangkumi perasaan cemas kerana pada umumnya orang yang merasa cemburu tidak akan menunjukkan perasaannya tetapi hanya menyimpannya di dalam hati, kerana anggapan bahawa menunjukkan perasaan cemburu adalah perasaan yang menunjukkan kelemahan seseorang.

8. Gembira

Emosi gembira akan dirasakan ketika seseorang merasa bahagia, dan itu bererti ada sesuatu yang menggembirakan hatinya. Orang biasanya merasa gembira apabila mereka mendapatkan perkara baik dalam hidup mereka, atau harapan mereka dipenuhi sesuai dengan apa yang mereka mahukan sejak awal atau mendapatkan perkara yang menjadi tujuan mereka.

9. Terkejut

Apabila seseorang tidak bersedia atau tidak tahu apa yang akan berlaku, seseorang akan merasa terkejut. Kejutan mungkin merangkumi perasaan terpegun, kadang-kadang perasaan tidak sesuai dan tidak tahu apa yang harus dilakukan. Perasaan ini boleh menjadi negatif atau positif, bergantung pada apa yang mengejutkan seseorang. Kadang kala, terkejut boleh menjadi cara untuk mengenali potensi anda untuk mengatasi situasi yang tidak dijangka.

10. Sedih

Kesedihan adalah perasaan ketika seseorang mengalami kekecewaan dan menyakitkan hatinya. Juga mengalami kehilangan perkara yang disayangi, misalnya, ketika putus cinta atau mengalami kematian orang yang disayangi. Sekiranya seseorang menderita kesedihan untuk waktu yang lama, kesedihan mungkin boleh menjadi depresi atau kemurungan yang serius. Orang yang mempunyai kecerdasan emosi dalam psikologi akan dapat mengawal kesedihan mereka sebelum memasuki tahap kemurungan.

Kesimpulannya, aspek emosi amat penting kepada potensi insan individu. Aspek emosi boleh memberi kesan kepada kelangsungan hidup individu, perbuatan keputusan, tingkah laku, penentuan batasan, komunikasi dan penyatuan.

4.0 Rohani

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, rohani adalah dimaksudkan sebagai batin yang berkaitan dengan rohaniah atau jiwa. Kerohanian adalah berkaitan dengan jiwa seseorang individu yang melibatkan hubungan dengan Tuhan. Menurut kepada Al Ghazali (1058-1111), roh sebagai “aspek yang halus yang mengetahui dan merasa”. Roh adalah makhluk ciptaan tuhan sebagai nadi kepada kehidupan manusia dari aspek akal dan fahaman manusia dari mengetahui hakikatnya. Menurut Ali Abdul Halim Mahmud(2000), rohani memberi pengertian interelasi yang diperlihatkan melalui amalan-amalan agama antara jiwa, akal, hati, dan roh. Oleh itu, keteguhan rohani harus dipandang berat untuk melahirkan individu yang murni dan insaf kepada Tuhan.

Pemantapan unsur rohani dalam individu harus lebih konsisten dan proaktif. Unsur rohani perlu diperkembangkan bagi membentuk individu yang menyedari dan menginsafi kewujudan Pencipta serta menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta. Menurut Firman Allah di dalam Surah An-Naml ayat 40 bermaksud: “Ini ialah limpah kurnia Tuhanku untuk menguji adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberian-Nya. Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah.”. Selain itu, seseorang yang mempunyai unsur rohani akan meningkatkan ketakwaan kepada Tuhan. Firman Allah dalam surah At-Talaq ayat 2 dan 3: “Sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya) serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).

Di samping itu, pemantapan unsur rohani juga akan memupuk dan membina disiplin sendiri. Setiap individu mempunyai disiplin sendiri masing-masing. Konsep disiplin merupakan penilaian seseorang terhadap dirinya sama ada positif atau negatif. Disiplin sendiri merupakan kebolehan individu untuk mengawal sebahagian besar tingkah laku sendiri. Sebagai contohnya, masyarakat sering berlumba-lumba untuk masuk ke pasar raya atau tempat awam. Dalam pandemik COVID-19 ini, kita harus beratur dengan menjarakkan diri satu meter. Memang terasa amat lambat, tetapi ini dapat memupuk diri agar lebih bersabar dan menghormati orang lain yang beratur sama dengan kita. Ini adalah salah satu yang menunjukkan disiplin sendiri oleh individu yang berunsur rohani.

Cara-cara untuk menilai atau mentafsir kewujudan unsur rohani individu iaitu melalui : pemerhatian, senarai semak dan skala pemeringkatan dan temu bual. Melalui pemerhatian, aspek rohani individu seperti nilai kesucian fizikal dan mental, nilai akhlak mulia, kecintaan kepada Tuhan dan negara. Seterusnya, senarai semak dan skala pemeringkatan boleh digunakan untuk mentafsir aspek rohani dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) (Kamarul Azmi Jasmi dan Abdul Halim Tamuri, 2007) dan borang penilaian (Mohd.Azani Ghazali, 1999).

Kesimpulannya, semua pengertian rohani berkaitan dengan roh dan jiwa dan sebagainya yang mewujudkan sebagai suatu unsur peribadi manusia yang paling unik yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera individu itu yang mana ia akan menentukan sahsiah seseorang. Menurut Imam Ghazali, roh mempunyai dua maknanya. Pertama, ia berupa sifat halus pada manusia yang dapat mengetahui sesuatu dan dapat menangkap segala pengertian. Kedua, ia membawa makna tentang jenis yang halus dan bersumber dari rongga hati jasmani dengan otot-otot dan urat yang bermacam-macam tersebar ke seluruh badan

5.0 Intelek

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2012), intelek memberi maksud kemampuan atau daya untuk berfikir dan memahami (menganalisis dan sebagainya). Istilah intelek berasal dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu intellect, diertikan sebagai proses pemikiran, proses kognitif, daya menghubungkan, kemampuan menilai dan kemampuan mempertimbangkan serta kemampuan mental atau intelegensi.

Ali, at.all. (2000) mengatakan bahawa intelek merupakan kepintaran atau akal budi yang berkemampuan untuk meletakkan hubungan dari proses berfikir. Selanjutnya, intelek dikatakan bahawa orang yang pintar dan bijaksana adalah orang yang dapat menyelesaikan persoalan dalam waktu yang lebih pendek, memahami masalahnya lebih cepat dan hemah, serta mampu bertindak pantas dan betul berbanding dengan insan lain. Maka dapat kita simpulkan bahawa intelek dapat diperumpamakan sebagai kemampuan mental dalam menghuraikan sesuatu perkara.

Dalam konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan, intelek ini merupakan unsur yang penting untuk dicapai selain daripada jasmani, emosi dan rohani. Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah supaya pelajar di persekolahan dapat menguasai 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Maka dalam konteks intelek, ianya merupakan perkara asas yang perlu diketahui dan dikuasai oleh semua insan kerana ianya merupakan kunci kepada kejayaan. Maka, Islam juga menekankan membaca sebagaimana firman Allah SWT : “Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan” (Surah Al-‘Alaq : 1)

Selain daripada itu, rakyat Malaysia khususnya pelajar diberi harapan yang penuh bagi dapat menguasai kemahiran untuk memperoleh, meningkat dan menyebarkan ilmu dan dapat mempraktikkan ilmu berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dan dapat memanfaatkan ilmu dan kemahiran untuk diri dan orang lain, termasuk kemajuan negara dalam konteks intelektual.

Lebih-lebih lagi, akal adalah sumber asas ilmu tempat timbul dan sendi ilmu. Ilmu itu berlaku dari akal sebagaimana terhasilnya buah buahan dari pohon kayu, sinar matahari dan penglihatan dari mata” menurut Al- Ghazali. Akal merupakan alat yang terpenting dan memainkan peranan yang signifikan dalam proses mendapatkan ilmu. Sesuai hadis nabi yang bermaksud “Yang mula pertama dijadikan oleh Allah ialah akal” riwayat Abu Hurairah.

Dalam pengisian akal kebebasan perlu diberikan untuk manusia menggunakan daya berfikir, daya kreatif dan daya usaha dalam meneroka alam yang akhirnya dapat menjelmakan manifestasi sifat pencipta dan kebesaran-nya. Namun pengisian ini perlu dikawal dan diselia selaras oleh ilmu wahyu sebagaimana disepakati oleh ulama islam.

Pencapaian dalam bidang kreativiti dan kecerdasan sebahagian besarnya berkaitan dengan tahap perkembangan intelek seseorang insan. Pakar yang mempelajari perkembangan kecerdasan pada pelajar sentiasa bercakap tentang hubungan yang stabil antara tahap perkembangan pemikiran terutamanya tahap perkembangan pemikiran dan koordinasi pergerakan. Banyak pemerhatian yang menarik terkandung dalam kerja pakar. Tamsilnya, boleh kita perhatikan bahawa perkembangan mental pada remaja berlaku selari dengan fizikal dan deria, ia merupakan sumber asal kerana otak merupakan sebahagian dalam tubuh badan. Setiap individu ini telah dikurniakan potensi, bakat dan kebolehan yang dapat dilihat secara

holistik dan juga perlu dicungkil. Potensi merupakan satu elemen yang perlu dicari, diasah dan juga diperkembang oleh individu lain dari masa ke masa ataupun secara berterusan.

Potensi setiap individu merangkumi dua aspek yang penting iaitu daripada segi luaran iaitu jasmani dan juga daripada segi dalaman iaitu rohaniah. Contohnya, guru memainkan peranan penting untuk mencungkil, mengasah dan juga memperkembang intelek para pelajarnya supaya individu lebih yakin pada diri sendiri dan juga lebih berani apabila berdepan dengan masyarakat. Seterusnya, potensi dan bakat ini juga dapat dicungkil dan menjelma melalui interaksi sosial antara seorang individu dengan individu yang lain. Misalnya apabila kita berinteraksi dan berbincang dengan orang lain. Daripada situ, kita dapat lihat bahawa pelbagai cara boleh kita gunakan dalam kehidupan bagi bakat dan potensi seseorang individu dapat diperkembangkan dan juga dapat diasah sehingga ianya dapat disesuaikan dengan diri individu. Proses pendidikan adalah penting dan proses ini seharusnya memberi peluang kepada setiap individu untuk memperkembangkan potensi diri mereka sendiri.

Umum mengetahui bahawa bakat, potensi dan kebolehan memang tidak boleh dipisahkan dan perlu diperkembangkan secara bersama. Sebaliknya, bakat, potensi dan juga kebolehan perlu dikaitkan dan juga perlu diselaraskan supaya ketiga-tiga unsur ini dapat berkembang selari dan tidak mempunyai pertentangan antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, ia juga menggabungkan aspek nilai-nilai murni baik dan norma-norma hidup masyarakat yang positif. Potensi yang dimiliki oleh setiap individu adalah sangat signifikan kerana unsur ini berupaya untuk memenuhi keperluan asas manusia semasa hayatnya dikandung badan seperti makanan, minuman, pembuangan sisa-sisa kotoran, waktu rehat dan juga pelbagai lagi.

Tuntasnya, individu perlu dan sering berusaha untuk memperoleh, memperkembang dan juga meningkat ilmu pengetahuan melalui pembacaan. Selain itu, individu juga perlu menghayati kemahiran pemikiran secara kreatif, kritikal dan juga reflektif. Seseorang individu juga perlu berusaha untuk memperkembangkan daya pemikiran dengan mengkaji, menganalisis dan mengemukakan idea-idea yang bernas. Selain itu, individu juga perlu menjadi seseorang yang sanggup untuk berkongsi ilmu yang sedia ada bersama-sama orang lain dan persekitarannya atau kata lainnya adalah menyebarluaskan ilmu. Ini kerana ilmu yang dikongsi dan diperolehi dapat individu lain aplikasikannya dan ilmu tersebut bermanfaat kepada masyarakat dan juga negara untuk diperkembangkan atau dinaiktaraf pada masa yang akan datang.

6.0 Kesimpulan

Transformasi Nasional 2050 yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Keenam, Dato Seri Najib Razak yang bertujuan untuk mencetuskan aspirasi rakyat serta menentukan bidang untuk transformasi termasuk kemasyarakatan dan kebudayaan masyarakat. Masyarakat Malaysia yang yakin, bernilai dan berakhlak mulia, beretika kukuh merupakan faktor yang penting supaya mencapai inisiatif ini.

Sistem dan konsep pendidikan di negara kita haruslah memandang berat pembangunan insaniah dan tidak hanya menitik berat kepada pembangunan aspek fizikal sahaja. Pembangunan modal insan yang seimbang dengan unsur JERI akan menjamin pembangunan sesebuah negara.

Dengan kerjasama dan bersatu hati semua pihak, maka pendidikan yang berkualiti di negara kita akan menjulang pada masa depan. Dengan ini, insan sempurna yang terdidik dengan unsur Jasmani, Emosi ,Rohani dan Intelek (JERI) akan banyak wujud di negara kita. Maka, negara kita akan maju dan sejahtera. Jadi, kita sebagai seorang penduduk Malaysia haruslah bersatu hati bagai berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dan tidak mementingkan kepentingan sendiri bak kata pepatah bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing dalam melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk mencungkil dan membangun potensi individu bagi memenuhi aspirasi Negara.

7.0 Rujukan

1. Ali Abdul Halim Mahmud (2000) Pendidikan Ruhani, Jakarta Gema: Insani Press
2. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2000). *Kamus Dewan* (Edisi 3.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Dr. Ghazali bin Darusalam(2013), Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) Di Institut Pengajian Tinggi Awam dari
https://www.academia.edu/25418909/PEMBANGUNAN_MODEL_PETAKSIRAN_JASMANI_EMOSI_ROHANI_INTELEK_JERI_DI_INSTITUT_PENGAJIAN_TINGGI_AWAM_MALAYSIA_2013_University_of_Malaya
4. Dr. Yusra Firdaus - Dokter Umum, & Puji, A. (2020, March 24). Pahami 7 Jenis Emosi Dasar yang Punya Kegunaan Sendiri Dalam Hidup. dari
<https://hellosehat.com/mental/gangguan-mood/jenis-emosi-dan-fungsinya/#gref>
5. Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin(2008), Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM
6. Farizul Hafiz Awang(2020, Julai 25) Pemuatan SOP pupuk konsep sendiri positif dari
<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/07/714520/pemuatan-so-p-pupuk-konsep-kendiri-positif>
7. Frieda, N.H. (**Inggeris**)“Moods, Emotion Episodes and Emotions”, New York: Guilford Press, 1993, hal. 381-403.

8. Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia : Johor.
9. Kementerian Kesihatan Malaysia (2006), Noncommunicable Disease Section- Disease Control Divison, Kuala Lumpur. Dari <https://www.moh.gov.my/moh/images/gallery/publications/mh/Malaysia%20Health%202006-2.pdf>
10. Malay Mail (2016, November 14). Unhealthy living makes Malaysia No. 1 in diabetes prevalence in Asean — S M Mohamed Idris. Dari <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2016/11/14/unhealthy-living-make-s-malaysia-no.-1-in-diabetes-prevalence-in-asean-s-m-m/1249567>
11. Mohd.Azani Ghazali. (1999). Perkara Asas Fardhu'Ain (PAFA) & Ayat-ayat Hafazan. Pustaka Syuhada : Kuala Lumpur.
12. Norliah binti Lasemang. (2017, March). Kesihatan Fizikal dan Mental. Dari https://www.researchgate.net/publication/315456905_KESIHATAN_FIZIKAL_DAN_MENTAL
13. Pembangunan Model Pentaksiran: Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia & Indonesia (2014, December 08) dari https://www.researchgate.net/publication/305388631_Pembangunan_Model_Pentaksiran_Jasmani_Emosi_Rohani_Intelek_JERI_Di_Institut_Pengajian_Tinggi_Awam_Malaysia_Indonesia/citation/download
14. Thoits, P. A. (1989). "The sociology of emotions". *Annual Review of Sociology*. **15**: 317–342